

## **SURUHANJAYA HAK-HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM) DAN KESEDARAN MASYARAKAT: SATU KAJIAN KES DI PULAU PINANG**

Khairiah Salwa Mokhtar dan Yessy Octavia Misdi  
Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Pulau Pinang

*Abstrak:* Malaysia mula bergiat cergas dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi hak asasi manusia (UNCHR) pada tahun 1993. Sehubungan itu, Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia di bawah undang-undang Malaysia telah ditubuhkan dan mula berkuatkuasa pada 9 September 1999. Hal ini diikuti dengan penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) pada 3 April 2000. Pertubuhan yang bebas daripada mana-mana kuasa ini bertujuan untuk melindungi dan memperjuangkan hak asasi rakyat Malaysia dari pelbagai aspek termasuk hak dan kebebasan bersuara, penyalahgunaan kuasa dan juga kebebasan sistem kehakiman di Malaysia. Objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti kesedaran masyarakat Malaysia tentang kewujudan dan peranan Suhakam. Hasil kajian yang menggunakan kaedah soal selidik dan temubual bersemuka terhadap 304 responden secara rambang di Pulau Pinang ini antara lain mendapati bahawa 46.1 peratus daripada mereka tahu tentang kewujudan dan peranan Suhakam manakala 34.4 peratus menyatakan sebaliknya. 19.7 peratus pula menyatakan bahawa mereka pernah mendengar tentang Suhakam tetapi kurang pasti tentang peranan pertubuhan itu sendiri. Kajian ini juga membentangkan satu analisis kesedaran masyarakat tentang Suhakam dari perspektif-perspektif gender, umur, etnik, tahap pendidikan dan pekerjaan. Dapatan kajian ini dipercayai mampu mengetengahkan kelemahan-kelemahan Suhakam sekaligus membantu pertubuhan ini meningkatkan usaha untuk memperkenalkan diri serta peranannya kepada masyarakat umum. Hal ini secara tidak langsung boleh meningkatkan keberkesanannya sebagai satu dasar awam di negara ini.

### **PENGENALAN**

Isu hak asasi manusia mula mendapat perhatian serius di peringkat antarabangsa melalui Pengisytirahan Hak Asasi Manusia Sejangat 1948 yang dipelopori oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Keahliannya terdiri daripada negara-negara merdeka diseluruh dunia. Tiga dokumen utama berkenaan hak asasi manusia dibentuk, iaitu Pengisytirahan Hak Asasi Manusia Sejangat 1948, Kovenan Antarabangsa Hak-hak Sivil dan Politik 1966 dan Kovenan Hak-hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan 1966 (Tikamdas & Rachagan, 1999) [3].

Hak asasi manusia boleh ditakrifkan sebagai hak yang dasar atau mesti dan wajib diterima oleh manusia dengan sama rata seperti hak untuk memberi pendapat, mendapat perlindungan, pendidikan yang sempurna, makanan, kebebasan beragama dan sebagainya. Contoh-contoh tadi merujuk kepada definisi hak asasi manusia secara konvensional. Namun, dengan perkembangan zaman, hak asasi manusia harus diberi tafsiran dan pengertian yang lebih luas (Wong Hon Wai, 2001)

Keputusan kerajaan Malaysia untuk menubuhkan sebuah institusi hak asasi manusia bermula apabila Malaysia sendiri bergiat aktif dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi isu hak asasi manusia. Malaysia telah dipilih sebagai Ahli Suruhanjaya Majlis Ekonomi dan Sosial Bangsa-Bangsa Bersatu (ECOSOC) pada 1993 hingga 1995. Tan Sri Dato' Musa b. Hitam, sebagai ketua perwakilan Malaysia pada waktu itu dilantik Pengerusi Ke-52 bagi *United Nations High Commissioner for Refugee* (UNCHR). Malaysia kemudiannya dipilih untuk berkhidmat bagi penggal kedua di UNCHR dari tahun 1996 hingga 1998 dan seterusnya bagi penggal ketiga dari tahun 2001 hingga 2003. Di peringkat dalaman sendiri, kerajaan mengambil inisiatif menubuhkan Suruhanjaya Kebangsaan Hak Asasi Manusia (SUHAKAM). Langkah ini penting dalam meneruskan kesimbangan perlindungan hak asasi manusia di Malaysia. Akta Suruhanjaya Kebangsaan Hak Asasi Manusia 1999 adalah konsisten dengan *Paris Principles* berkenaan dengan *Status of National Institutions*. Penyertaan aktif Malaysia dalam UNCHR ini membuktikan bahawa Malaysia sendiri dengan telusnya menitikberatkan hak asasi manusia sejagat khususnya hak asasi rakyat Malaysia sendiri. Selain itu, semakin meluasnya tekanan antarabangsa dan kesedaran terhadap hak asasi manusia serta kesedaran bahawa isu hak asasi manusia ini melewati sempadan dan kedaulatan sesebuah negara (Laporan Tahunan SUHAKAM, 2000).

Ia juga didorong oleh perhatian dan kesedaran yang berterusan di peringkat dunia terhadap isu hak asasi manusia dan kejayaan Persidangan Sedunia berhubung dengan hak asasi manusia pada tahun 1993 di Vienna. Negara-negara yang menyertai persidangan tersebut termasuk Malaysia, telah memersetujui secara bersama bahawa hak-hak asasi manusia adalah bersifat sejagat dan tidak boleh dinafikan, atas kesedaran itulah telah mendorong kepada penubuhan badan-badan hak asasi manusia di peringkat negara masing-masing.

Kajian ini memberi tumpuan kepada SUHAKAM dan kesedaran masyarakat tentang kewujudan dan peranan SUHAKAM.

## KAEDAH

### *Sorotan Kajian*

Memandangkan penubuhan SUHAKAM baru mencecah 5 tahun, jumlah kajian dan penulisan tokoh dan sarjana politik tentang entiti ini masih kecil. Maklumat tentang penubuhan, prinsip, peranan, kelemahan dan keberkesanan SUHAKAM masih belum mencukupi. Namun demikian, menurut Ismail Ibrahim (2001) [2] dalam membicarakan isu hak asasi manusia, penilaian dan pengukurannya sering berbeza-beza di antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Sama halnya ketika membincangkan isu globalisasi, kita tidak seharusnya meleburkan nilai dan budaya kita hanya kerana kita telah menerima gagasan globalisasi sepenuhnya. Demikian jugalah halnya ketika membicarakan isu hak asasi manusia kita haruslah membezakan hak individu dan hak masyarakat, hak agama dan moral yang menjadi kriteria penting dalam memberikan kebebasan kepada manusia.

Menurut Taufik Ghazali (2000) [4], SUHAKAM perlu menilai persepsi dan peranannya dalam konteks sejagat yang lebih seimbang. Ia perlu mengambil kira petaka yang menimpa negara lain dan tidak hanya mencedok acuan hak asasi Barat yang mungkin akan menimbulkan perasaan sensitiviti dalam masyarakat majmuk di Malaysia dan ia seharusnya seiring dengan prioriti pembangunan negara. Ia tidak boleh naif menerima bulat-bulat hitam putih hak asasi acuan Barat yang boleh menjahanamkan negara kerana terbukti bahawa polemik hak asasi manusia telah diwarnai secara licik oleh barat demi kepentingan politik dan ekonomi mereka.

Colin Nicholas (2001) [1] pula menyatakan bahawa jawatankuasa SUHAKAM haruslah menjalankan tugas mereka dengan penuh dedikasi. Tugas setiap ahli jawatankuasa juga seharusnya berbeza di antara satu negeri dengan negeri yang lain. Sebagai contoh dalam kajian beliau tentang masalah orang asli, didapati pengurusan untuk hak asasi orang asli di antara penduduk asli Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak haruslah dibezakan. Ini kerana masalah yang dialami oleh mereka adalah berbeza.

### *Objektif Kajian*

Secara khususnya, objektif kajian ini ialah untuk :

- Menilai kesedaran masyarakat di Pulau Pinang tentang kewujudan SUHAKAM sebagai sebuah badan yang membela hak asasi manusia.
- Menilai peranan SUHAKAM sebagai sebuah badan yang ditugaskan untuk membela hak asasi manusia khususnya masyarakat Malaysia.

### *Persoalan Kajian*

Sehubungan dengan objektif di atas, persoalan yang mahu diutarakan ialah :

- Adakah masyarakat khususnya penduduk di Pulau Pinang sedar bahawa terdapatnya SUHAKAM sebagai sebuah badan yang dapat membela hak asasi manusia?
- Adakah penduduk di Pulau Pinang sedar akan peranan yang boleh dijalankan oleh SUHAKAM dalam membela hak asasi manusia?

### *Kepentingan Kajian*

Dengan terjawabnya persoalan di atas, kajian ini mampu mengetengahkan faedah berikut :

- Kadar respon kesedaran penduduk Malaysia khususnya di Pulau Pinang tentang kewujudan SUHAKAM.
- Kadar respon mereka tentang peranan SUHAKAM dalam membela hak asasi manusia.
- Pihak SUHAKAM sendiri boleh meningkatkan usaha untuk memperkenalkan diri serta peranan yang dimainkan kepada orang ramai.

### *Kaedah Kajian*

Kaedah penyelidikan bermaksud cara yang dilakukan untuk mendapatkan data atau maklumat bagi mencari jawapan kepada persoalan atau masalah. Pengumpulan data yang benar, lengkap dan dapat digunakan secara luas adalah penting. Menurut Syed Arabi Idid (1992), penyelidikan pada asasnya adalah usaha seseorang sarjana untuk mencari data sesuai yang dapat digunakan untuk menjawab soalan penyelidikan.

Persampelan dalam kajian ini terdiri daripada penduduk di sekitar Pulau Pinang. Jumlah responden 304 orang ini dipilih menggunakan kaedah rawak mudah. Penyelidik telah membahagikan penduduk Pulau Pinang kepada 6 kawasan kajian iaitu, kawasan Univeriti Sains Malaysia, Pulau Tikus, Balik Pulau, Air Itam, Batu Feringghi dan Georgetown dengan memberi borang soal selidik kepada setiap 1 daripada 5 orang responden yang ditemui di kawasan kajian.

Dalam menjalankan kajian ini, penyelidik menggunakan dua kaedah kajian. Pertama, pengkaji menggunakan kaedah borang soal selidik dengan mengedarkan sebanyak 320 borang soal selidik kepada penduduk Pulau Pinang. Sebanyak 304 borang soal selidik diterima kembali dan telah digunakan untuk kajian ini.

Borang soal selidik ini mempunyai 19 pernyataan yang perlu dijawab oleh responden. Jawapan yang disediakan berbentuk skala Likert. Skala ini terdiri daripada 1 untuk "Sangat Setuju", 2 untuk "Setuju", 3 untuk "Tiada Berkaitan", 4 untuk "Tidak Setuju" dan 5 untuk "Sangat tidak setuju".

Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah temubual bersemuka. Penyelidik telah menggunakan borang soal selidik untuk digunakan sebagai panduan semasa menemubual responder. Penyelidik percaya kaedah kedua ini harus dijalankan seiring dengan kaedah pertama bagi memperolehi dapatan kajian yang lebih kukuh.

## **KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan kajian yang diperolehi adalah diluar dugaan. Pada permulaan kajian, penyelidik percaya bahawa kebanyakan penduduk di Malaysia khususnya di Pulau Pinang tahu akan kewujudan dan peranan SUHAKAM. Namun, tanggapan ini meleset. Masih terdapat penduduk di Pulau Pinang yang tidak tahu akan kewujudan dan peranan SUHAKAM.

Secara amnya, kajian ini melibatkan 166 responden lelaki dan 138 responden perempuan. Hal ini berlaku kerana kebanyakan responden yang penyelidik temui adalah golongan lelaki berbanding perempuan. Jika responden yang seramai 304 itu dikategorikan mengikut kumpulan umur, responden yang berumur 20 hingga 30 tahun sangat ramai menyertai kajian ini. Tidak ketinggalan juga bagi responden yang berumur 31 hingga 40 tahun. Perkara ini memperlihatkan bahawa kedua-dua golongan ini adalah kumpulan umur yang sangat senang bekerjasama dengan penyelidik. Mereka lebih senang didekati dan lebih matang dalam menjawab setiap persoalan yang diajukan. Rujuk Jadual 1 dan 2.

Jadual 1: Jumlah Responden

Responden (%)	
Lelaki	Perempuan
54.6	45.4

Jadual 2: Umur Responden

Kategori Umur	Responden (%)
19 kebawah	4.9
20-30	32.2
31-40	30.6
41-50	25.3
50 keatas	6.9

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat 48.3% responden yang pernah mendengar mengenai SUHAKAM. Tetapi hanya 46.1% sahaja yang tahu akan kewujudan SUHAKAM. Ini bermakna, kebanyakan responden yang terlibat dalam kajian ini pernah mendengar tentang SUHAKAM tetapi tidak menyedari akan kewujudan badan tersebut. Perkara ini berlaku kerana SUHAKAM kurang menjalankan promosi untuk memberitahu masyarakat bahawa badan pembelaan hak asasi manusia sememangnya wujud di Malaysia dan orang ramai boleh menggunakan perkhidmatan mereka. Rujuk Jadual 3 dan 4.

Jadual 3: Dengar Tentang SUHAKAM

Tahap Persetujuan	Responden (%)
Sangat Setuju	20.7
Setuju	27.6
Tiada Berkaitan	16.1

Jadual 4: Tahu Kewujudan SUHAKAM

Tahap Persetujuan	Responden (%)
Sangat Setuju	15.5
Setuju	30.6
Tiada Berkaitan	19.7
Tidak Setuju	21.1
Sangat Tidak Setuju	13.2

Hampir separuh, iaitu 42.8% responden juga tahu tentang peranan yang mampu dijalankan oleh SUHAKAM. Responden menyatakan bahawa mereka mengetahui bantuan yang boleh diperolehi dari SUHAKAM tetapi tidak menggunakan khidmat SUHAKAM dalam membantu untuk menyelesaikan masalah mereka. Namun, 44% daripada jumlah responden masih menyatakan bahawa mereka pernah menggunakan SUHAKAM untuk menyelesaikan masalah mereka. Ini menunjukkan bahawa SUHAKAM adalah satu badan yang diketahui peranannya oleh masyarakat Malaysia tetapi telah menggunakannya dengan sebaik mungkin. Rujuk Jadual 5 dan 6.

Jadual 5: Mengetahui Fungsi SUHAKAM

Tahap Persetujuan	Responden (%)
Sangat Setuju	12.2
Setuju	30.6
Tiada Berkaitan	25.7
Tidak Setuju	21.1
Sangat Tidak Setuju	10.5

Jadual 6: Berurusan Dengan SUHAKAM

Tahap Persetujuan	Responden (%)
Sangat Setuju	24.3
Setuju	19.7
Tiada Berkaitan	16.4
Tidak Setuju	19.1
Sangat Tidak Setuju	20.4

SUHAKAM juga merupakan satu badan yang mempunyai ahli-ahli yang dikenali oleh orang ramai. Seramai 43% responden menyatakan bahawa mereka mengenali sekurang-kurangnya seorang pesurujaya SUHAKAM. Oleh yang demikian, satu kesimpulan yang boleh dibuat ialah orang yang tahu akan kewujudan SUHAKAM adalah mereka yang cukup peka dengan keadaan sekeliling. Hanya orang-orang yang bersikap tidak peduli sahaja tidak mengetahui tentang SUHAKAM. Maka, kita tidak boleh menyalahkan SUHAKAM jika terdapat pihak yang menyatakan bahawa mereka tidak mengetahui tentang kewujudan SUHAKAM. Rujuk Jadual 7.

Jadual 7: Mengenal Beberapa Ahli SUHAKAM

Tahap Persetujuan	Responden (%)
Sangat Setuju	19.1
Setuju	24
Tiada Berkaitan	25.3
Tidak Setuju	21.7
Sangat Tidak Setuju	9.9

Seramai 34.8% responden yang pernah menjalankan urusan dengan SUHAKAM, menyatakan bahawa SUHAKAM mampu menyelesaikan masalah mereka dengan cepat. Tetapi jumlah ini masih sedikit jika dibandingkan dengan responden yang tidak bersetuju (36.9%) dengan pendapat tersebut. Jumlah ini hanya memperlihatkan perbezaan yang kecil tetapi mempunyai impak yang besar kepada SUHAKAM. Jika SUHAKAM berterusan menganggap remeh setiap aduan yang dibuat oleh masyarakat, lama-kelamaan SUHAKAM akan kehilangan kepercayaan masyarakat. SUHAKAM seharusnya selalu bertindak dengan cepat dan cekap agar semua masalah dapat diselesaikan dengan segera. Rujuk Jadual 8.

Jadual 8: SUHAKAM Cepat Dalam Menyelesaikan Aduan

Tahap Persetujuan	Responden (%)
Sangat Setuju	3.9
Setuju	30.9
Tiada Berkaitan	28.3
Tidak Setuju	27
Sangat Tidak Setuju	9.9

Sebagai sebuah badan yang berautonomi, SUHAKAM seharusnya terdiri daripada gabungan ahli-ahli daripada pihak pemerintah dan pembangkang. Perkara ini telah dipersetujui oleh 62.2% daripada jumlah responden. Hal ini boleh memastikan keputusan yang seimbang diambil oleh badan tersebut. Namun, sekiranya kesemua pesuruhjaya SUHAKAM terdiri daripada mereka yang tidak ada kaitan dengan mana-mana parti politik, ini adalah lebih baik bagi menjamin kesahihan SUHAKAM sebagai sebuah badan yang berautoriti. Rujuk Jadual 9.

Jadual 9: Ahli SUHAKAM Dilantik Daripada Ahli Perti Pemerintah dan Pembangkang

Tahap Persetujuan	Responden (%)
Sangat Setuju	12.8
Setuju	21.1
Tiada Berkaitan	19.1
Tidak Setuju	31.9
Sangat Tidak Setuju	15.1

## KESIMPULAN

Kepentingan menjaga hak asasi manusia sememangnya sesuatu yang tidak boleh diabaikan. Pada peringkat antarabangsa, pembelaan hak asasi manusia bermula dengan penubuhan badan-badan seperti Suruhanjaya oleh Majlis Ekonomi dan Sosial Bangsa-bangsa Bersatu (ECOSOC) dan *United Nations High Commissioner For Refugee* (UNHCR) oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Melalui kajian seperti ini, kita dapat mengetahui bahawa ramai rakyat Malaysia khususnya penduduk Pulau Pinang yang mengetahui tentang kewujudan dan peranan SUHAKAM. Hal ini membuktikan bahawa penubuhan SUHAKAM bukanlah sesuatu yang sia-sia. Seramai 46.1% tahu akan kewujudan dan peranan SUHAKAM. Bagaimanapun, 53.9% responden masih menunjukkan kepada kita bahawa masih terdapat masyarakat yang tidak atau tidak jelas tentang SUHAKAM. Ini menunjukkan bahawa SUHAKAM seharusnya menjalankan promosi yang lebih giat agar kewujudan mereka diketahui ramai. Jika SUHAKAM tidak dikenali ramai, maka penubuhannya adalah sia-sia kerana mereka tidak akan mendapat aduan daripada orang-orang yang bermasalah akibat daripada kewujudan SUHAKAM yang tidak jelas.

Jelaslah bahawa kajian ini bukan sahaja menyedarkan penduduk Pulau Pinang yang tidak maklum akan kewujudan SUHAKAM malah memberi kesedaran kepada mereka tentang kewujudan dan peranan SUHAKAM.

## PENGHARGAAN

Kedua-dua penyelidik ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia di atas geran "Pembentukan Dasar Awam di Malaysia : Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dan Keberkesannya" Nombor akaun 304/PJJauh/634100.

## RUJUKAN

1. Colin Nicholas. 2001. *SUHAKAM and the Indigenous Peoples' Question*, Kertas Kerja yang dibentangkan pada National Consultation on 'SUHAKAM after 1 year : Has the state of human rights improved in Malaysia?' dalam [www.xlibris.de/magickriver/Suhakam.htm](http://www.xlibris.de/magickriver/Suhakam.htm)
2. Ismail Ibrahim, Pengajaran Hak Asasi Manusia Di Sekolah, Utusan Malaysia, 18 Januari 2001

3. S. Sothi Rachagan & R. Tikamdas. 1999. *Human Rights and the National Commission*, Persatuan Kebangsaan Hak Asasi Manusia (HAKAM)
4. Taufik Ghazali, *SUHAKAM Mesti Profesional*, Utusan Malaysia, 23 Ogos 1999